



PERINTIS

DI-TERBITKAN OLEH LEMBAGA KESUSASTERAAN BORNEO

BIL. 1
JUN 1970

25 SEN



DARI MEJA PENGARANG

Kami berasa shukor bahawa dengan terbitnya PERINTIS ini keinginan sa-bilangan peminat2 kami kapada sa-buah majallah dalam Bahasa Malaysia dari Lembaga ini dapat di-laksanakan.

Sa-sunggoh-nya kami memang berchita2 hendak mengeluarkan sa-buah majallah yang berupa ini, tetapi oleh beberapa sebab, penerbitan-nya terpaksa di-tanggohkan dari masa ka-samasa.

Tujuan PERINTIS ini ia-lah untuk menampongkan sadikit kekurangan bahan2 bacaan pendidekan dalam Bahasa Malaysia sa-lain dari buku2 tek di-kalangan murid2 sekolah, dan juga di-kalangan mereka2 yang baharu mempelajari Bahasa Malaysia. Di-harap-lah sukatan bahasa dan isi majallah ini sa-suai dengan selera dan kegemaran pembacha2. Dan kalau pun ada kekurangan dan kekhilapan, kami harap pembacha2 akan memberi tegoran2 yang membena demi untuk kebaikan majallah kita.

Isi majallah pertama ini kebanyakannya di-petek atau di-terjemah dari beberapa majallah lain. Kami harap keluaran2 yang lain pula akan di-isikan dengan hasil usaha dari pembacha2. Oleh itu kami mempelawakan peminat2 PERINTIS untuk menghantarkan karangan2, cherita2 pendek, sajak2 dan lain2 lagi kapada kami. Perlu-lah di-ingatkan bahawa karangan2 itu hendak-lah dari hasil karangan

sendiri. Karangan2 yang di-terima untuk di-muatkan ka-dalam PERINTIS akan di-beri sadikit bayaran. Hantarkan-lah karangan2 itu kapada:

Pengarang Perintis,
Lembaga Kesuasteraan Borneo,
Peti Surat 1390,
Kuching, Sarawak.

Sa-kian-lah dulu.

Salam hormat,
Pengarang.

ISI

Kesah: MUKA

Kali Membuat Jahat	3 - 5
Janji Anai-Anai	8 - 9
Mengembara Ka-bulan	10 - 13
Sayang Aminah	14 - 16
Akit Pergi Sekolah	20 - 21

Renchana:

Dari Meja Pengarang	2
Tuatara	17
Tenggiling	18

Sajak:

Tanah Pusaka	7
Berjaya	7

Untuk Di-kerjakan:

Mari Berfikir	6
Melihat Suara Kamu Sendiri	18
Teka Silangkata	22
Peraduan Mewarnakan Lukisan ..	22
Jawapan2 Kapada Ruangan Mari Berfikir	23



KALI MEMBUAT JAHAT

Pada suatu masa dulu ada sa-orang satudagar bernama Gopal. Saudagar ini ada mempunyai sa-pasang burong merpati. (Tahu-kah kamu apa burong merpati itu?) Burong ini sangat jinak dan orang suka membela-nya. Bulu-nya berkilat, dada-nya puteh berseh. Burong merpati saudagar Gopal ini sangat gemok dan selalu masok berlomba, selalu saja ia menang. Oleh itu burong2 itu sangat-lah mashhor di-dalam kampong itu.

Di-tempat itu juga ada sa-orang budak jahat bernama Kali. Dia ingin hendak mempunyai burong merpati saudagar itu. Telah berkali2 dia menchoba hendak membeli-nya, tetapi saudagar Gopal tidak mahu menjual-nya kerana dia sangat sayang pada burong2 itu. Kali sangat marah dan timbul-lah niat jahat dalam hati-nya.

"Kalau burong merpati itu tidak dapat ku beli atau di-tukar, aku akan mengambil-nya dengan apa jalan pun. Nanti awak baru tau, saudagar!" kata Kali dalam hati-nya.

Pada suatu hari Kali pakai baju yang kotor2. Dia sapu muka-nya dengan tanah. Dia pun berkata sa-orang diri, "Kali ini baru awak tau, saudagar! Awak tentu ingat aku ini peminta sedekah dan awak tak dapat kenal muka-ku, sebab berlumoran dengan tanah. Ya, baik aku pergi sekarang!"

Kali pun pergi-lah dari situ, dan bila dia sampai di-jalan raya dia pun lalu berhenti.

"Baik aku dudok di-tepi jalan ini saja," kata-nya. "Saudagar Gopal lalu di-tempat ini tiap2 hari. Biar aku dudok dekat tong sampah itu."

Nasib Kali baik hari itu sebab tak berapa lama saudagar Gopal pun datang dengan membawa burong-nya.

"Tuan kasehani-lah saya," kata Kali pura2 saperti sa-orang peminta sedekah. "Saya orang miskin dan dah lama tak makan nasi. Beri-lah saya sadikit wang. Mudah2an Tuhan akan balas budi tuan!"

"Kasehan! Si-peminta sedekah," kata saudagar Gopal. "Nanti ku ambil wang dalam kochek ku dulu."

Saudagar Gopal sangat susah hendak menyelok kochek-nya sebab tangan-nya memegang burong2 merpati-nya.

"Tolong-lah pegangkan burong merpatiku ini dulu," kata saudagar itu sambil memberikan sa-ekor burong itu kepada Kali.

"Boleh! Bawa sini saya pegangkan!" kata Kali.

Sa-sudah memberi wang kapada Kali, saudagar itu pun minta burong-nya balek, tetapi Kali tidak mahu memberi-nya.

"Penipu!" kata saudagar itu kapada Kali. "Tapi awak ada sa-ekor saja, dan saya ada sa-ekor. Tak ada apa guna-nya dan tak boleh masok perlombaan juga! Nah! Ambil-lah ini sa-kali dan jadi sa-pasang!"

"Sunggoh baik hati awak! Minta sini!" kata Kali.

"Saya tak boleh buat apa2

sekarang," kata saudagar itu. "Hanya saya berpesan, jaga-lah burong2 itu baik2, dan jangan-lah awak cheritakan pada sa-siapa pun chara2 awak menipu saya."

"Tau pun awak malu!" kata Kali mengejekkan saudagar itu.

"Bukan bagitu," jawab Gopal. "Sa-kira-nya orang tahu tidak-lah orang2 hendak memberi pertolongan kapada orang yang sa-benar miskin dan mlarat. Jika awak cheritakan, mereka tentu takut akan terkena tipu macham saya. Jadi tak usah-lah awak cherita apa2, supaya orang2 yang betul2 berkehendakkan pertolongan tidak akan terpedaya pula. Selamat tinggal dan jaga-lah burong2 itu baik2."



Ben.

Sa-telah berpesan itu saudagar Gopal mulai berjalan dari situ, tapi Kali menahan-nya sambil berkata, "Tunggu dulu, tunggu! Saya tak sangka tuan mempunyai hati yang sangat bertimbang rasa pada orang2 miskin. Nasihat tuan itu akan saya ingat sa-lama2-nya. Tuan sanggup melepaskan burong2 itu kapada saya. Tak sampai hati saya hendak menipu tuan. Saya menyesal dengan perbuatan saya yang tak baik pada tuan tadi. Nah! Ambil-lah burong2 ini balek."

"Bagus-lah," kata saudagar itu. "Saya harap semua orang yang macham awak akan insaf dan bertukar menjadi orang baik."

Kali memberi tahu saudagar itu dia tidak ada kerja dan dia minta di-ambil jadi tukang kebun saudagar itu. Saudagar Gopal sa-tuju dan mereka pun sama2 pulang.





MARI BERFIKIR



Kawasan Siapa Lebeh Besar?

Empatsegi puteh itu merupakan sa-buah rumah yang letak-nya betul2 di-tengah sa-buah kebun yang empat persegi juga. Empat ekor burong, A, B, C dan D, tinggal di-kebun itu - dan tiap2 sa-ekor burong itu menjagakan kawasan masing2 - yang berbentuk tigasegi di-tiap2 tepi rumah2 itu. Burong yang mana-kah mempunyai kawasan yang paling besar?

Ikan, Oh Ikan!

Salinkan gambar ikan kecil ber-warna hitam yang menghala ka-kiri ini di-atas sa-keping kertas. Ada dua jalan-nya menjadikan ikan ini menuju hala yang bertentangan. Jalan2-nya itu ia-lah: di-sungsang-kan kertas itu atau pun meman-dang-nya dari sa-belah lain.

Dapat-kah kamu memikirkan beberapa jalan lain lagi?



Dapat-kah Kamu Menchari Jalan Ka-rumah Itu?



SAJAK

TANAH PUSAKA

Pantai dan ombak
Putih dan berderai
Ru dan kelapa
Melambai dan menyapa.

Bumi subor menghijau
Ayer sungai yang jerneh mengilau.
Betapa indah
Ladang dan sawah.

Bagaikan sinar-nya permata,
Tumpuan chinta;
Itu-lah tanah pusaka
Tumpah darah kita.

*di-petek dari: Mekar
Jilid 1, Bil. 1*

BERJAYA

Di-bawah lambaian satu bendera
Bendera Malaysia.

Bendera kemegahan negara kita
Mari-lah kita berpegang tangan
Bertegohkan azam.....satukan
semangat.

Tak kira bangsa.....puak dan juga
kaum.

Mari! Ka-mari-lah!! Kita bersama
Bersatu padu sa-ia sa-kata
Ka-arah yang satu mempertahankan
Malaysia
Malaysia negara kita.....negara
yang kita chinta.

Pertahankan dia dari segala pen-
cheroboh.

Dari segala rupa banchana yang
merosakkan
Segala angkara yang merobohkan
perdamaian dan keamanan,
Juga persafahaman antara kaum di-
Malaysia
Agar Malaysia sentiasa jaya
Dan berjaya sa-lama2-nya.

oleh: Kaderi Wai

Anai2 ia-lah sa-jenis yang sa-rupa semut tetapi berbadan puteh. Mereka suka diam di-dalam kayu yang lempong. Kalau rumah kita di-buat dari kayu lempong dan di-masoki oleh anai2, tak lama kemudian tentu-lah rumah itu akan jadi burok. Cherita ini ia-lah berkenaan dengan sa-jenis kayu lempong yang tidak pernah di-masoki oleh anai2.

JANJI ANAI-ANAI

Pada satu masa dahulu sa-buah negeri telah karam di-sebabkan ayer bah. Rumput2 dan kayu2 yang kecil semua-nya habis tenggelam. Semua binatang2 takut dan mereka masing2 lari ka-tempat yang tinggi. Anai2 pun takut juga. Mereka pun pergi ka-sabatang pokok yang besar kerana nak menumpang bertedoh. Kalau mereka tidak dapat tempat tinggi untuk bertedoh tentu-lah mereka akan mati lemas. Mula2 mereka pergi ka-pokok kayu belian. Sa-ekor daripada mereka berkata:

"Pokok belian, benarkan-lah kami bertedoh di-dahan kamu. Kalau kami tak dapat tempat yang tinggi untuk bertedoh, tentu-lah kami mati lemas kerana ayer sa-makin naik. Kasehani-lah kami, pokok belian."

Tetapi pokok belian berkata, "Tidak. Akutidak dapat membenarkan kamu bertedoh. Nanti kamu makan kayu aku pula."



Anai2 menjawab, "Tapi pokok belian, kami berjanji tidak akan makan kayu kau. Tolong-lah supaya kami tidak mati lemas."

Tetapi pokok belian itu tidak juga mahu membenarkan anai2 itu bertedoh di-dahan-nya. Anai2 pun pergi ka-pokok jambu dan berkata:

"Hai pokok jambu, benarkan-lah kami bertedoh di-dahan kamu yang tinggi supaya kami tidak mati lemas dalam ayer bah ini."

Pokok jambu menjawab, "Tidak. Itu tak boleh jadi. Nanti kamu makan kayu aku pula."

Anai2 berjanji tidak akan makan kayu jambu, tetapi pokok jambu itu tidak juga mahu membenarkan anai2 bertedoh di-dahan-nya. Kasehan anai2 itu. Mereka pergi dari satu pokok ka-satu pokok yang lain, tetapi walau pun mereka berjanji tidak akan memakan kayu pokok2 itu, mereka tidak juga di-terima bertedoh di-dahan pokok2 itu. Ayer sa-makin besar.....

Kalau mereka tidak dapat tem-


pat yang tinggi tentu-lah mereka akan mati lemas nanti. Akhir-nya sampai-lah mereka ka-pokok merebong. Mereka pun berkata:

"Haipokok merebong, kasehan pada kami dan benarkan kami bertedoh di-dahan-mu yang tinggi. Kalau tidak tentu-lah kami akan mati lemas."

Pokok merebong itu sangat kasehan-lah melihatkan anai2 itu. Dia pun berkata:

"Ya, kamu boleh menumpang di-dahan aku. Tapi kamu semua mesti berjanji ia-itu tidak akan makan kayu aku."

Maka anai2 itu pun sangat suka hati dan mereka berjanji tidak akan makan kayu pokok merebong itu. Bila ayer sudah surut maka anai2 itu pun turun-lah. Mereka memberi terima kaseh kapada pokok merebong kerana menyelamatkan mereka. Jadi dari hari itu hingga sekarang anai2 itu memegang janji mereka ia-itu mereka tidak akan makan kayu merebong.





MENGEMBARA KA-BULAN

21 haribulan Julai, 1969, adalah suatu hari yang bersejarah bagi orang2 Amerika dan orang2 di-seluroh dunia kerana pada hari itu-lah dua orang angkasawan Amerika yang gagah perkasa, Neil Armstrong dan Edwin Aldrin menjekak kaki mereka di-bulan. Pendaratan yang lembut di-buat oleh Lunar Module dari Apollo 11 telah menunjukkan bahawa manusia dan kelengkapan-nya dapat mendarat dengan selamat di-bulan tanpa tenggelam di-permukaan-nya.


Kamu tentu telah melihat filem2 warta yang di-tayangkan di-panggong2 wayang gambar menunjukkan Apollo 11 di-tembakkan di-Cape Kennedy, Houston, Texas, Amerika; kapal angkasa Apollo terbang mengelilingi bulan; Lunar Module turun ka-permukaan bulan, manakala kapal induk-nya dengan angkasawan Michael Collins di-dalam-nya sedang mengidari bulan; angkasawan yang jolong kali menjekak kaki di-bulan (Neil Armstrong); dan pemandangan2 sa-pintas lalu tentang dua orang angkasawan itu "melonchat" seperti binatang kangaru* di-permukaan bulan.

Kerana manusia telah mendarat di-bulan, nampak-nya pengembaraan ka-bulan pun tidak-lah mustahil sa-bagaimana yang biasa di-sangka dahulu. Pengembaraan ka-bintang Marikh dan bintang Zuhara sedang di-ranchangkan sekarang ini. Oleh kerana bulan-lah dekat sa-kali

dengan bumi maka itu-lah tempat di-angkasa lepas yang mula2 sa-kali di-lawati oleh manusia.

Ada-kah kamu tahu ia-itu untuk sampai ka-bulan, sa-buah kapal angkasa sa-waktu bertolak mestilah sa-laju 25,000 batu pada sa-jam? Dengan sa-laju ini baharu-lah ia dapat benar2 terlepas dari kuasa tarekan bumi, tetapi tidak-lah pula ia boleh terlalu deras sa-waktu mendarat di-bulan.

Kapal angkasa itu mestilah ditujukan ka-tempat kedudukan bulan dua hari sa-tengah kemudian-nya. Kalau tidak, ia akan terlepas dari bulan. Sebab-nya ini ia-lah dua hari sa-tengah itu ada-lah lama-nya perjalanan sa-jauh kira2 240,000 batu.



Sa-belum manusia betul2-ny mendarat di-bulan banyak-lah perkara2 mesti di-buat supaya menentukan pendaratan itu akan selamat. Kapal angkasa yang tak ada orang di-dalam-nya telah di-hantar untuk melihat bagaimana rupa bulan itu yang sa-benar-nya. Dengan menerusi teropong2 yang kuat kuasa-nya, bulan itu kelihatan saperti sa-buah dunia yang mengandungi banjaran2 gunung, lembah2, dan tanah2 datar yang berlekok2 dengan kawah2 gunung berapi. (Ahli2 sains perchaya bahawa tiap2 lobang yang hanya beberapa inchi sahaja lebar mukanya itu telah terjadi oleh sa-butir benda yang sangat kecil dari angkasa luar. Kerana di-bulan tidak ada udara untuk membakarkan butir yang sangat halus ini, maka berjuta2 daripada-nya terhempas pada permukaan bulan dengan sangat deras-nya.) Oleh kerana udara atau

ayer tidak di-dapati di-bulan, jadi angin, hujan, malahan bunyi, tidak ada di-sana.

Tidak lama sa-lepas itu ahli2 sains pun mengetahui lebeh banyak lagi tentang bulan dengan menggunakan beberapa jenis kapal angkasa yang tidak berorang. Satu daripada perchobaan mereka jalankan ia-lah dengan menggunakan pengorek bulan (lunar drill), yang boleh mengambil chontoh2 batu di-bulan. Ada di-antara kapal angkasa yang dapat terbang saperti helikopter sa-tinggi 100 kaki dari permukaan bulan, supaya bahagian2 yang berlainan dari permukaan bulan dapat di-ambil gambar-nya.

Dengan bagini, bulan pun dapat di-kaji dengan chermat serta sem-purna sa-belum angkasawan di-hantar terbang beridar dalam angkasa. Banyak-lah roket dari siri2 Gemini dan Apollo telah di-tembakkan dari Cape Kennedy untuk merintis jalan bagi pendaratan manusia di-bulan. Dan segala per-siapan ini tidak-lah sia2 sahaja kerana akhir-nya manusia telah berjaya menjakkan kaki-nya di-bintang beridar yang tidak di-diami itu.

Ahli2 sains sekarang ada-lah yakin bahawa kuasa tarekan bulan kurang sa-kali daripada tarekan bumi. Semua benda di-bulan berat-nya ada-lah chuma satu per enam daripada yang di-bumi, mithal-nya, sa-orang budak yang berat-nya sembilan puloh paun di-bumi ada-lah lima belas paun sahaja di-bulan. Bulan juga boleh di-jadikan sa-buah tempat persinggahan yang sesuai untuk pergi ka-bintang2 Marikh dan Zuhara pada masa akan datang.

Sambil kita gembira bahawa angkasawan2 Amerika telah mendarat di-bulan, mari-lah peringati juga sa-orang angkasawan Russia, ia-itu Major Gagarin. Major Gagarin-lah manusia yang pertama berjaya mengelilingi dunia dengan menaiki sa-buah kapal angkasa pada 4 haribulan April, 1961.


Pada 9 haribulan November, 1969 dua orang lagi angkasawan Amerika telah berjaya mendarat di-bulan kali yang kedua-nya. Penembakan Apollo 12 telah ber-langsung dua hari lebeh awal.

*kangaru: sa-jenis binatang di-Australia.

* * * * *



Neil Armstrong, Michael Collins dan Edwin Aldrin. Mereka ini-lah manusia yang pertama sa-kali sampai ka-bulan.






❖ Sa-orang angkasawan sedang memegang suatu alat untuk memungut chontoh2 batu di-bulan dengan me-masokkan sa-batang saloran besi ka-permukaan bulan untuk mengambil benda2 itu. Di-sisi-nya ia-lah sa-buah tempat untuk alat2-nya. Tempat untuk alat2 itu dan alat2-nya ada-lah sa-berat 9 kilogram di-bumi tetapi chuma 1.5 kilogram sahaja di-bulan.


Sa-orang angkasawan sedang memegang sa-buah bekas untuk chontoh2 tanah sementara chermin penutup muka-nya sedang menangkap bayang2 kawan-nya. Dia membawa sa-buah kamera terikat di-dada-nya. ❖



Sa-bahagian daripada beberapa alat2 sains yang di-tinggalkan di-permukaan bulan oleh angkasawan2 Apollo 12



Ini-lah rupa-nya batu2 yang di-bawa balek dari bulan.



Satu saloran bahan pembakar radioactive di-keluarkan dari sa-buah sarong-nya yang berbalut di-chantumkan pada kapal pendarat Interpid di-permukaan bulan oleh angkasawan2 Apollo 12 pada 19hb November. Jentera penerbit lektrik menggunakan tenaga nuklear, SNAP-12 yang dekat kaki angkasawan itu. Alat ini di-maksudkan untuk membekalkan tenaga lektrik sa-lama sa-tahun bagi enam buah alat sains yang di-tinggalkan di-bulan.



Sayang Aminah

oleh: Salbiah Painah

"Aminah!" satu suara lembut memanggil dari ruang dapur. Tiada jawapan. "Aminah!" nyaring sedikit suara itu - maseh belum ada jawapan. "Aminah!!!" teriakan lebeh kuat lagi, sa-rentak langkah2 chepat meluru ka-hadapan Aminah - gadis kecil yang sedang membacha buku sambil bersandar di-kerusi sandar. Kasut, baju sekolah, stokin dan beg sekolah bertaboran di-lantai.

"Anak ini tuli-kah?" Che' Yah berchekak pinggang di-hadapan Aminah. Dia sangat marah. Aminah mengangkat muka-nya dan memandang tepat ka-arah ibu-nya. Muka-nya masam.



"Am tak dengar-lah mak," suara-nya antara terdengar dengan tidak.

"Eh, Aminah kau fikir kau ini anak raja, ya, balek dari sekolah, belum makan, belum apa dah dudok kaki atas kaki! Tengok apa yang berselerak itu, hah?" Che' Yah marah benar melihat kelakuan anak-nya yang tunggal itu.

"Saya bacha buku-lah mak," kata Aminah lagi sambil menarek mulut munchung dan tundok sambil membacha buku di-hadapannya.

"Bacha buku?" Serentak itu tangan Che' Yah menyambar buku itu dari tangan Aminah dan melontarkan-nya ka-luar jendela. Geram benar hati-nya.

"Adoh!!" satu suara menjerit di-halaman. Aminah melompat dari kerusi-nya. Dia dan ibu-nya berkejar ka-jendela itu.

"Ha! Ha! Ha! Ha!" ketawa Aminah sa-kuat hati-nya, kerana di-halaman ayah-nya Enche' Mail ter-dudok di-tanah. Basikal Enche' Mail terbaring di-sisi-nya. Dahi-nya benjol dek kena buku yang dilontar Che' Yah tadi. Enche' Mail marah betul. Ketawa Aminah samakin menjadi sementara Che' Yah chuma berani tersenyum tawar saja melihat kejadian yang luchu itu. Marah-nya pada Aminah sudah hilang entah ka-mana.

"Siapa buat kerja ni, hah?" tanya Enche' Mail.

"Mak....ayah...." kata Aminah sambil ketawa.

"Ma'afkan saya bang....saya tak sengaja." Che' Yah bergesa2 turun hendak menolong suami-nya.

Enche' Mail bangun sendiri dan

mengangkat basikal-nya. Seluar-nya kotor kena tanah.

"Yang awak buangkan buku budak ini ka-tanah buat apa?" Dia ingin tahu.

"S....s...sa...saya..." mula Che' Yah, gugup.

"Awak apa? Awak nak bunoh saya?" tanya Enche' Mail lagi sambil mengheret basikal-nya kabawah rumah. Panas benar hatinya.... ma'lum-lah perut sedang lapor.

"Mak... mak... er... saya bacha b.. buku itu ayah... mak marah.... dia buang buku s.. saya tu," Aminah menjelaskan, apabila melihat ibunya berada dalam keadaan serba salah.

Enche' Mail faham. Dia dapat meneka mengapa isteri-nya marah pada Aminah, bahkan dia sendiri juga selalu memarahi anak kesayangan-nya itu. Dia tahu satu masa'alah mengenai anak itu belum dapat di-selsaikan.

Aminah, anak tunggal Enche' Mail dan Che' Yah itu berumor sa-

belas tahun. Anak itu cherdek, tapi sayang dia mempunyai dua perangai yang berlainan: Di-sekolah Aminah ada-lah sa-orang murid yang paling baik dan rajin. Dia terpuji dalam segala bidang. Dia ta'at pada apa saja perentah che'gu-nya. Darjanya berseh, meja che'gu, meja tulis-nya sendiri lichin di-gilap satiap hari. Che'gu sangat sayang kapada anak yang baik ini.

Di-rumah pula Aminah memakai perangai yang satu lagi. Dia pemalas, suka bersungut dan merajok. Bila saja ibu dan ayah-nya menyuroh membuat sa-suatu, ada2 saja-lah helah-daleh nya. Kalau pun dia mahu membuat pekerjaan yang di-suroh itu, kerja itu akan di-buat -nya dengan bersungut dan tak tentu saja..... asal siap, sudah!


Enche' Mail suami isteri sudah puas menchari jalan untok membentok perangai anak ini supaya berubah, tapi sia2 belaka. Mereka hairan mengapa di-sekolah Aminah sangat rajin sedangkan di-rumah dia sangat malas!

Pada satu hari, saperti biasa waktu balek dari sekolah Aminah tak mahu menolong membuat satu apa pun. Sa-telah menchampak beg sekolah-nya, dia dudok membacha. Ibu-nya sebok di-dapor.

"Aminah," Che' Yah memanggil.

"Saya penat-lah mak!" teriakan-nya dari dalam bilek.

"Tolong atorkan kain meja itu dulu Aminah.... mak pun penat juga," pujok Che' Yah.



"Tak mau-lah MAK!" teriak Aminah lagi, "Saya penat!!!"

"Tapi..." suara Che' Yah tegas kali ini, "hari ini awak mesti tolong! CHEPAT!"

Aminah tidak menjawab. Dia bangun sambil menghentak-hentakan kaki-nya. Dia mengambil kain meja dan di-hampar-nya tak tentu saja ka-atas meja itu.

"Ambil pinggan di-dalam almari itu dan ator di-meja itu elok2," kata Che' Yah sambil mengangkat pinggan nasi dan mangkok2 lauk ka-atas meja itu. Dia nampak kain meja itu sa-belah naik ka-atas dan sa-belah ka-bawah.....tapi di-biarkan-nya saja. Aminah mengambil pinggan2 dan di-longgokkannya di-hujong meja. Di-luar kedengaran Enche' Mail tiba.

"Aminah, itu ayah kau datang.. sekarang tolong panggilkan tamu kita yang menanti di-bilek rehat ayah mu," perentah Che' Yah.

"Tamu? ? ?" tanya Aminah terperanjat. "Kenapa mak tak beri tahu tadi?"

"Tapi mak, biar saya betulkan kain meja ini." Hati Aminah berdebar2. Ya....tentu-lah orang yang menunggu di-bilek itu sudah mendengar dia marah2 tadi.

"Tak payah....tamu itu nak balek chepat," kata Che' Yah.

"Ah....pergi panggilkan dia chepat Aminah," perentah Enche' Mail yang baru masok ka-dapor itu. Aminah serba salah. Dia pergi juga.




Dia mengetok pintu itu dan demi terbuka saja pintu itu dia hampir pingsan. "Che'gu SULAIMAN!!!" seru-nya lemah.

Ya.....tamu yang di-jemput khas oleh Enche' Mail suami isteri itu ia-lah Che'gu Sulaiman..... Che'gu yang sangat sayang dan memuji kebaikan Aminah. Sekarang baru dia tahu bahawa murid kesayangan-nya itu mempunyai perangai yang berbeza: lain di-sekolah dan lain di-rumah.

Aminah malu dan menyesal. Dia menangis sa-kuat hati-nya. Che'gu -nya hanya tersenyum riang. Dia tahu Aminah akan mengubah sikapnya. Di-waktu itu juga Aminah berjanji di-hadapan ibu, ayah dan che'gu-nya bahawa dia akan menjadi anak yang benar2 boleh di-banggakan di-masa depan.

"Sayang Aminah," keloh Che'gu Sulaiman sambil menghulur tangannya kapada Aminah waktu hendak balek.



TUATARA

Gambar ikhsan dari Jabatan Penerangan, New Zealand.

Gambar ini menunjukkan sa-ekor binatang yang di-sebut tuatara yang di-dapati di-Pulau Stephens, di-New Zealand.

Tuatara ia-lah perkataan orang Maori (orang asli di-New Zealand) yang ber-erti chichak. Sa-benarnya binatang ini bukan-nya chichak tetapi ia-lah keturunan yang terakhir dari binatang2 merayap saperti dinosaur, iguanodon, dan ichtyosaurus yang banyak sa-kali terdapat hidup berjuta2 tahun dahulu.

Satu sifat-nya yang teristimewa ia-lah tulang2 runching yang ber-jijir2 di-sapanjang tulang belakang -nya.

Binatang ini boleh hidup lama, dan menurut orang2 Maori ada di-antara-nya telah hidup sampai beratus2 tahun.

Sa-ekor tuatara yang chukup tua akan besar sampai dua kaki panjang-nya, kepala-nya besar, badan-nya gempal dan kaki-nya pendek. Sifat yang paling menarek di-kepala-nya ia-lah bekas mata-nya yang ketiga. Tuatara diam di-dalam lobang dalam tanah. Ia-nya keluar men-chari makan waktu malam. Ia-nya bertelor, dan telor2-nya yang sa-besar bola2 ping-pong itu men-gambil masa kira2 tiga belas bulan baru menetas.



TENGGILING

Tenggiling ia-lah sa-ekor binatang yang bersisek; dan perang tua warna-nya. Sisek2-nya itu ber-lapis2, jadi rupa-nya ada-lah saperti kulit nanas. Sisek2 itu tidak bertulang; sa-benar-nya ia terjadi dari bulu2 yang pejal sa-perti tandok. Chuma bahagian perut-nya sahaja yang tidak dilindungi oleh sisek2 itu.

Sisek2 yang keras ini menjadi perisai yang berguna kapada tenggiling, kerana jikalau ada bahaya menghampiri-nya tenggiling itu pun menggolong diri-nya menjadi saperti sa-biji bola. Kepala-nya di-letakkan di-antara kedua kaki-nya dan ekor-nya di-sorokkan dibawah perut terus ka-belakang, kemudian di-chengkokkan-nya kapada sisek2-nya. Ekor tenggiling itu tajam dan di-gunakan-nya untuk memukul sa-barang binatang yang choba menyerang-nya.

Tenggiling2 yang di-dapat di-Afrika dan Asia panjang-nya adalah kira2 dari tiga hingga enam kaki. Sa-tengah2-nya hidup di-dalam lobang di-bawah tanah, dan

ada pula yang hidup di-pokok2 kayu.

Tenggiling tidak bergigi, dan chuma memakan semut2 dan anai2 sahaja. Ia-nya mempunyai kaki yang besar dan berkuku tajam. Kuku2 ini-lah di-gunakan-nya untuk mengoyak2kan sarang2 serangga. Lidah-nya panjang saperti chaching dan di-selimuti oleh ayer lior yang melekat. Lidah ini-lah di-gunakan-nya untuk menjilat serangga2.

Kuku tenggiling sangat panjang. Oleh itu apabila ia berjalan ia terpaksa melengkokkan kuku2-nya dan berjalan di atas buku jari-nya.



CHOBIA SENDIRI

Pernah-kah Kamu Melihat Suara Kamu Sendiri?

Pernahkah kamu melihat suara kamu sendiri? Tentu kebanyakan dari kamu berkata, "Tidak!" Sa-benar-nya suara itu dapat di-lihat - dengan sadikit pertolongan ilmu sains dan kecherdekan kamu sen-dir-i.

Chara-nya bagini:

Mula2 buatkan lobang di-tepi sa-buah tin bulat. (Minta tolong abang atau bapa kamu kalau kamu tidak dapat membuat-nya sendiri). Kemudian ambilkan sa-potong

saloran getah atau plastik dan masukkan ka-dalam lobang itu. Lepas itu ambil sa-buah chorong dan lekatkan ketat2 di-hujong saloran getah atau plastik tadi-ikatkan dengan tali.

Bukakan tudong tin tadi dan tutupkantin itu dengan getah pelembong (gelembong) atau kertas minyak. Ikat ketat2 dengan getah.

Taborkan pasir halus di-atas getah atau kertas itu. (Lihat rajah).

Sekarang menyanyi-lah satu lagu melalui chorong tadi, dan per-hatikan-lah pasir2 itu. Kamu tentu nampak pasir2 itu bergerak2 mengikut alunan suara kamu. Kalau kamu undor perlahan2 dari chorong itu pasir itu akan berhenti bergerak. Bentok2 pasir di-atas getah itu akan merupakan suara kamu. Lain2 suara, lain juga rupa bentok-nya. Choba bandingkan suara kamu dengan suara orang lain.



AKIT PERGI SEKOLAH



Akit ia-lah sa-orang budak lelaki yang berumor enam tahun. Dia tak pernah keluar dari kampong-nya. Budak2 yang sama umor dengan-nya semua ada bersekolah. Sekolah itu letak-nya di-sabuah kampong yang tak berapa juah dari situ. Budak2 itu memakai sa-buah lorong kecil dekat tepi sungai. Akit ingin hendak pergi sekolah. Satu hari dia berkata kapada emak-nya, "Emak, saya hendak pergi ka-sekolah. Saya hendak belajar dan menjadi sa-orang yang bijak."

"Kau tak pernah keluar dari rumah ini. Kau tak tahu hendak buat apa2," kata emak-nya.

Jawab Akit, "Saya boleh belajar dengan senang. Choba terangkan apa yang saya mesti buat?"

Emak Akit sangat bimbang, tetapi lama kelamaan dia pun ber-setuju. Dia bungkuskam sadikit makanan untuk bekalan Akit, dan berkata, "Akit, kau pergi ikut jalan lorong dekat tepi sungai hingga-lah sampai ka-sabuah kampong. Di-kampong itu nanti, di-sabelah kiri, kau akan nampak bangunan sekolah.

Kau pergi jumpa guru di-situ; dan chakap bagini, 'Selamat pagi Che'gu. Saya datang ini hendak belajar ber-bagai perkara dengan Che'gu'."

Akit pun bawa bekalan-nya dan terus berjalan mengikut lorong dekat tepi sungai. Tak lama kemudian dia pun tiba di-sabuah kampong dan dia pun pergi menuju ka-sekolah. Sa-masa dia berjalan dia berjumpa dengan tiga orang lelaki - dua dari-pada-nya ia-lah mata2 dan yang ketiga ia-lah sa-orang penchuri. Mata2 itu hendak membawa penchuri itu ka-penjara. Akit berkata kapada penchuri itu, "Selamat pagi, Che'gu. Saya datang ini hendak belajar ber-bagai perkara dengan Che'gu."

Mendengar kata Akit, mata2 itu pun sangat marah. Mereka mahu tangkap dan masokkan Akit ka-dalam penjara sebab dia mahu belajar menjadi penchuri. Akit menjadi takut dan balek ka-rumah. Bila emak-nya bertanya, Akit pun menjawab, "Dua orang mata2 tengah membawa sa-orang penchuri ka-penjara. Saya pun chakapkan apa yang emak suroh. Mata2 itu sangat marah dan hendak penjarakan saya."

"Kau ini bodoh, Akit!" kata emak-nya. "Kau mesti katakan dengan mata2 itu bagini, 'Selamat pagi Tuan. Saya harap tuan terus masukkan semua orang yang sa-macham ini ka-dalam penjara'."

"Baik-lah, mak. Saya akan ingat," kata Akit.

Akit pun berjalan lagi sa-kali. Bila dia tiba di-kampong itu dia nampak Ketua Kampong itu tengah berjalan dengan sa-orang Inggeris. Orang Inggeris itu ia-lah sa-orang pegawai. Akit pun pergi dekat dengan Ketua Kampong itu dan berkata, "Selamat pagi tuan. Saya harap tuan akan tahankan semua orang macham ini di-penjara."

Ketua Kampong itu pun sangat marah. Dia mahu rotangkan Akit. Akit berasa takut dan lari balek menangis.

Bila dia sampai di-rumah emak-nya pun bertanya mengapa dia menangis. Dia pun memberi tahu emak-nya.

"Kau ini bodoh, Akit!" kata emak-nya. "Patut-nya kau mesti kata, 'Selamat pagi tuan. Tuan-lah orang yang bijak sa-kali dalam kampong ini'."

Akit pun berjanji dia akan ingat, dan dia pun terus pergi ka-sekolah sa-kali lagi. Bila dia tiba di-kampong itu, dia berjumpa dengan sa-orang gila. Orang gila itu berlari2 di-sekeliling kampong. Akit pun berkata kepada-nya, "Selamat pagituan. Tuan-lah orang yang bijak sa-kali dalam kampong ini."

Mendengar kata Akit semua orang kampong marah kapada-nya. Mereka pun halau dia dari kampong itu. Dia balek ka-rumah dan beri tahu emak-nya.

Kata emak-nya, "Kau bodoh, Akit! Patut-nya kau kata, 'Pergi dari sini orang gila! Tinggalkan aku sa-orang!'"

Akit pun berjalan sa-mula. Bila dia sampai ka-sekolah, sa-orang guru keluar dan datang berjumpa-nya lalu berkata, "Wahai budak, boleh-kah saya menolong awak?"

Akit pun lalu menjawab, "Jauh kau dari sini orang gila! Tinggalkan aku sa-orang!"


Guru pun sangat marah kapada Akit. Dia halau Akit dari sekolah itu. Akit pun pergi balek mendapatkan emak-nya.

"Apa yang telah terjadi pula kali ini Akit?" tanya emak-nya.

Akit pun mencheritakan apa yang dia telah kata kepada guru itu. Maka emak Akit pun berkata, "Aku akan bawa kau ka-sekolah dan berchakap dengan guru itu sendiri, dan kau akan belajar di-sekolah itu. Kau maseh kecil dan tak pandai pergi sa-orang diri."

Akit pun di-bawa oleh emak-nya pergi ka-sekolah. Emak-nya tahu apa hendak di-chakap atau di-jawab, jadi tidak sa-orang pun yang marah pada-nya.

Sekarang Akit sudah bersekolah dan di-situ dia belajar bermacham2 perkara, termasok-lah tutor bahasa.



TEKA SILANGKATA

Ka-hadapan:

1. Kerja.
3. Di-guna waktu makan.
5. Kuasa atau tenaga.
7. Benar.
8. Susun atau kemas.
9. Perkataan yang menunjukkan tempat yang jauh.
10. Payah patah atau putus.
12. Menuntut janji atau pusaka.
13. Binatang padang pasir.
14. Abu menjadi ---sa-buah pertubuhan sulit.

Ka-bawah:

1. Di-guna untuk bertanyakan masa.
2. Budak memanching ikan di---- sungai.
3. Ganti nama.
4. Usia.
5. Mahir.
6. Ahli sokan.
9. Pilu.
10. Memakan masa yang panjang.
11. Ayam jantan ada ini.



Dalam lukisan di-sabelah kamu di-kehendaki mewarnakan-nya sahingga merupakan satu bentuk lukisan yang terang. Gunakan warna mengikut pilehan kamu sendiri dengan panduan angka2 yang di-beri. Bagi tiap2 angka gunakan-lah warna yang berlainan. (Tiap2 jenis angka satu warna sahaja.)

PERATURAN:

1. Kamu boleh menghantar sa-berapa banyak lukisan, dengan menggunakan lukisan yang di-sediakan ini, serta dengan borang-nya.
2. Hadiah2 pertama, kedua, ketiga dan hadiah sagu hati akan di-beri kapada peserta2 yang menghantarkan lukisan2 yang layak menerima hadiah2 itu.
3. Peraduan ini hanya terbuka kapada murid2 yang berumur di-bawah 12 tahun.
4. Hantarkan-lah lukisan kamu kapada:

Pengarang Perintis
Lembaga Kesusaasteraan
Borneo,
Peti Surat 1390,
Kuching, Sarawak.

5. Tarikh penutup peraduan ini ia-lah pada 6haribulan Julai, 1970.

Jawapan2 Kapada Ruangan Mari Berfikir


Ikan, Oh Ikan!

Kertas itu boleh di-balekkan dan di-lihat dari belakang-nya; di-lihat di-dalam sa-buah chermin; atau pun di-letak di-belakang sa-gelas ayer sejok!

Saya uchapkan tahniah kalau kamu dapat memikirkan chara2 lain lagi.

Kawasan Siapa Lebih Besar?

Semua bentuk tigasegi itu mempunyai tapak dan tinggi yang sama. (Keluasan sa-buah bentok tigasegi di-dapati dengan mendharabkan tapak-nya dengan tinggi-nya kemudian bahagikan dengan dua.) Jadi semua burong2 itu mempunyai kawasan yang sama besar.



BORANG

Nama:

Umur:

Alamat:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Pengakuan: Ini adalah hasil kerja saya sendiri.

.....

.....

.....

.....

Tanda Tangan:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Bacha-lah Perintis

Langganan sa-tahun (12 ke-luaran) chuma \$3.00 (termasok belanja pos) untuk pelanggan2 di-Malaysia; dan \$4.20 untuk pelanggan2 di-luar Malaysia.

Kirimkan-lah wang berserta

dengan borang ini (dengan POS BERDAFTAR) kapada LEMBAGA KESUSASTERAAN BORNEO, PETI SURAT 1390, KUCHING, SARAWAK.

Nama.....

Alamat

.....

Langganan \$.... untuk
(bulan/tahun).

Di-susun dan di-terbitkan oleh Lembaga Kesusasteraan Borneo, (di-anjor oleh Kerajaan2 Negeri Sarawak dan Sabah) Peti Surat 1390, Kuching, Sarawak.

Di-chetak oleh The Vanguard Press, Jalan Abell, Kuching, Sarawak.

